

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGGAL PERTAMA

Perkara yang ingin saya bangkitkan adalah berkaitan dengan para belia di negeri kita yang melibatkan diri ke dalam bidang sukarelawan. Saya mendapati bahawa kerajaan negeri tidak begitu mementingkan belia-belia yang mengorbankan masa dan tenaga bagi tujuan sukarelawan di negeri kita.

Justeru, saya ingin bertanya, adakah kerajaan pernah mengambil berat kepada sukarelawan daripada NGO-NGO dengan memberi penghargaan kepada mereka terutamanya mereka yang sering meluangkan masa mereka kepada frontliner-frontliner ketika Perintah Kawalan Pergerakan PKP dari March 2019 sehingga kini.

Terdapat 6 badan NGO di negeri kita, mereka adalah Persekutuan Pengakap Malaysia Pulau Pinang, Pandu Puteri Pulau Pinang, Bulan Sabit Merah Pulau Pinang, St John Ambulance Pulau Pinang, Boys Brigade Pulau Pinang dan Girl's Brigade Pulau Pinang. Saya, merupakan salah seorang ahli aktif dalam Persatuan Bulan Sabit Merah Pulau Pinang sebagai sukarelawan.

Kebelakangan ini, Ibu Pejabat Kebangsaan IPK Bulan Sabit Merah Malaysia telah melancarkan satu system baru yang diketahui sebagai VMS, bagi menyenangkan sukarelawan membuat pendaftaran. Jadi saya tidak dapat mendapat statistik penuh di seluruh Pulau Pinang, tetapi sekurang kurangnya saya mendapati sedikit maklumat daripada SPT.

Di SPT, kita mempunyai seramai 800 orang ahli yang berjaya mendaftarkan diri di bawah sistem VMS tersebut. dan bagi pengetahuan semua, sebanyak 70% daripada jumlah ahli tersebut adalah belia yang umurnya di antara 18 tahun sehingga 30 tahun.

During Pandemik, pasukan BSMM telah banyak membantu frontliner seperti KKM, PDRM dan sebagainya dengan membuat face shield, menyediakan makanan dan minuman bagi mereka yang menjaga road block dan sebagainya.

Kerajaan Negeri pernah tak menunjukkan penghargaan bagi mereka bukan sahaja BSMM, tetapi bagi semua yang mengorbankan masa dan tenaga mereka bagi membantu ketika pandemik berlaku.

Selain itu, saya ingin membangkitkan suatu isu lain tetapi juga mengenai belia. Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda, juga dikenali sebagai The Duke of Edinburgh's International Award, adakah kerajaan mengenali anugerah tersebut ?

Anugerah ini merupakan sebuah anugerah yang diperkenalkan di luar negara dan lebih daripada 156 buah negara yang telah memberi pengiktirafan.

Anugerah ini terbahagi kepada 3 tahap, iaitu tahap Gangsa, Perak dan Emas. Anugerah ini telah berada di Malaysia sejak tahun 2000, dan sepanjang lebih dari 20 tahun ini, kita mendapati statistik di Pulau Pinang yang memperoleh tahap emas anugerah tersebut tidak melebihi 20 orang, di seluruh Malaysia hanya lebih kurang 1600 belia yang berjaya ditauliah Emas untuk anugerah tersebut. Pada awal tahun ini, Pulau Pinang hanya mempunyai satu sahaja belia yang diberi pengiktirafan bagi mendapat anugerah tersebut.

Apakah inisiatif kerajaan negeri membantu Jabatan Belia dan Sukan Pulau Pinang bagi menjayakan program tersebut ?

Adakah Tuan-tuan dan puan-puan memahami bahawa sesiapa yang mendapat anugerah tersebut dahulu akan mendapat peluang untuk pergi ke luar negara, ini juga merupakan salah satu credit bagi pertukaran program yang mewakili Malaysia ke luar negara ketika Selection Camp di belia. Tetapi infomasi-infomasi sebegini masih kurang disampaikan kepada para belia di negeri kita memandangkan anugerah tersebut dapat meningkatkan value bagi belia-belia kita.

Tan Chee Chong
N39 Pulau Betong
Sidang Muda 2022 Penggal Pertama

